

## **Imam Khaleel Mohammed mempertahankan perkahwinan campur antara penganut agama yang berlainan**

(Nota: Rencana mempertahankan amalan ini menggunakan contoh kes seorang perempuan Islam yang mengahwini lelaki Kristian, tetapi prinsip-prinsip yang terdapat dalam kes ini boleh diguna-pakai dalam mana-mana kes yang melibatkan perkahwinan dengan lelaki bukan Islam.)

“Lazimnya, ayat Quran yang digunakan oleh para imam di dalam melarang perkahwinan campur antara penganut agama yang berbeza diambil dari Quran 5:5 yang bererti: 'Pada hari ini dihalaikan bagimu segala yang baik-baik...Dan (dihalaikan bagimu menikahi perempuan-perempuan yang menjaga kehormatan di antara perempuan-perempuan yang beriman dan perempuan-perempuan yang menjaga kehormatan di antara orang-orang yang diberi kitab sebelum kamu...'. Para imam tradisional berpendapat oleh kerana hanya perkataan 'perempuan' disebut, dan tidak pula sebaliknya di dalam ayat ini, maka golongan imam ini menyimpulkan bahawa perkahwinan antara perempuan Islam dan lelaki bukan Islam adalah satu amalan yang dilarang dalam agama.

Namun demikian, kesimpulan ini problematis. Berdasarkan *adat resam pada waktu itu*, Quran ditujukan kepada kaum lelaki. Inilah sebabnya, Quran menyebut, sebagai contoh, "Dan ceraikanlah isteri-isterimu..." atau "Pada malam-malam kamu berpuasa [Ramadan] dibenarkan kamu bersatu dengan isteri-isterimu..." Apa yang saya maksudkan dengan *adat resam pada waktu itu* adalah begini: Di dalam konteks kesukuan (*tribal*), apabila seseorang perempuan itu sudah berkahwin, si isteri akan menerima si suami sebagai tuannya. Si suami pula menerima agama pemimpin atau ketua sukunya.

Berdasarkan realiti tersebut, terdapat banyak isu yang timbul di kalangan para sarjana Islam –isu-isu yang membuatkan mereka menentang perkahwinan antara perempuan Islam dan lelaki bukan Islam. Salah satu isu yang berbangkit ialah, walaupun orang Islam menghormati nabi-nabi bukan Islam, pengikut-pengikut dua lagi agama samawi tidak menghormati Muhammad, dan dikhuatiri si perempuan Islam akan menghadapi satu keadaan di mana nabinya tidak akan dihormati. Seperkara lagi ialah kebanyakan orang Kristian menganggap Isa (*Jesus/ Yesus*) itu Tuhan, dan bagi seorang Islam perbuatan mempertuhankan seorang manusia biasa adalah sesuatu yang tidak dapat diterima akal. Selain itu, terdapat kekhuatiran terhadap pegangan agama zuriat hasil perkahwinan seumpama ini kerana dikhuatiri mereka akan dibesarkan mengikut pegangan agama si suami.

Tetapi harus diingat bahawa kesemua 'isu' ini adalah berdasarkan anggapan yang si perempuan akan memeluk agama suami bukan Islamnya, tetapi nyata sekali ini bukan halnya dengan situasi saudari. Saudari berada dalam zaman dan di tempat yang amat berbeza.

Kita sedia maklum bahawa kebanyakan orang Islam akan bertegang urat mempertahankan Quran itu sesuai untuk setiap zaman dan tempat. Maka berdasarkan logik tersebut, kita harus akui yang Quran masih simpati kepada impian atau hasrat anda untuk berkahwin dengan seorang lelaki Kristian. Walaupun dia seorang Kristian, Quran tidak ada sebarang masalah dengannya. Walaupun disebut bahawa orang-orang

Kristian (Nasrani/Masihi) menjadikan Isa itu Tuhan, dokumen utama Islam hanya menyebut perbuatan ini sebagai '*kuft*' (ketidakpercayaan/ tidak ada kesyukuran) dan bukannya '*shirk*' (syirik/ menyekutukan Tuhan). Ini adalah perbezaan yang amat ketara kerana, di dalam satu ayat lagi, Quran juga menyebut bahawa orang-orang Kristian yang melakukan amalan baik pun berhak dan berpeluang memasuki syurga. Syahadat kepercayaan Kristian adalah sama bagi kedua-dua lelaki dan perempuan Kristian, jadi bagaimana pula Quran membenarkan perkahwinan kepada perempuan Kristian dan, pada masa yang sama melarang perkahwinan kepada lelaki Kristian?

Bukti-bukti yang disampaikan di sini menunjukkan masalah utama dalam hal ini berpunca daripada – seperti yang saya tekan di atas tadi— amalan mengutamakan agama si suami [seperti juga yang dikisahkan dalam Kitab Ruth di dalam Alkitab Ibrani (*Hebrew Bible*)] yang pernah berlaku pada zaman dahulu kala. Pada hari ini, Islam yang berlandaskan ajaran Quran yang sebenar (tidak sama seperti Islam yang dikuasai ahli fekah lelaki) haruslah mengiktiraf persamaan di antara lelaki dan perempuan, dan ini termasuklah pengakuan bahawa kaum perempuan pun mempunyai hak-hak di sisi undang-undang termasuklah hak-hak menentukan syarat-syarat di dalam sesuatu perkahwinan (yang lazimnya dikenali sebagai '*pre-nuptial agreement*'). Jadi, perkahwinan di antara pasangan Islam dan pasangan bukan Islam boleh dilakukan dengan meletakkan syarat di dalam '*pre-nuptial agreement*' ini agar menjamin tidak akan berlakunya paksaan untuk memeluk agama pasangan masing-masing. Selagi syarat ini dihormati, anda berdua mendapat restu saya.

Berkenaan dengan soal zuriat pula, sudah tentu akan berlakunya sedikit sebanyak kekeliruan agama. Tetapi sebagai seorang sarjana Islam, saya ingin memberitahu saudara yang Quran menyeru umatnya untuk menggunakan hati dan akal masing-masing di dalam membentuk pendapat. Sekiranya kedua-dua ibubapa berpegung teguh dengan interpretasi dan tafsiran masing-masing mengenai kehendak Pencipta, maka anak-anak mereka akan membuat keputusan-keputusan yang berlandaskan maklumat-maklumat yang mereka terima apabila sudah dewasa kelak.

Saya tidak keberatan untuk menjalankan upacara perkahwinan '*inter-faith*' ini bergantung kepada kesenangan saya. Saudari boleh menghubungi saya melalui laman web [www.forpeoplewhothink.org](http://www.forpeoplewhothink.org)."

Dr. Khaleel Mohammed pernah menuntut ilmu Syariah di Muhammad bin Saud University di Riyadh (Sunni) dan di Zeinabiyya di Damsyik (Syiah). Beliau mempunyai Ph.D di dalam perundangan Islam dari McGill University.